

13/06/1999

Perpindahan berperingkat

PERPINDAHAN berperingkat pusat pentadbiran Putrajaya berdekatan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) menandakan sejarah baru kepada perkhidmatan awam Malaysia.

Pada 1 Jun 1999 pejabat Ketua Setiausaha Negara dan sebahagian unit di Jabatan Perdana Menteri (JPM) berpindah ke Putrajaya.

Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) dan Majlis Keselamatan Negara adalah antara unit terawal pentadbiran JPM berpindah ke Putrajaya pada hari yang sama.

Dua minggu sebelum itu, berpuluh-puluh lori khas meninggalkan Jalan Datuk Onn di Kuala Lumpur untuk mengangkut peralatan pejabat JPM, ICU dan Majlis Keselamatan Negara ke sana.

Pejabat Perdana Menteri pula dijangka menyusul selewat-lewatnya Selasa ini. Begitupun, setakat ini, belum ada keputusan muktamad.

Mengikut kenyataan Putrajaya Holding Sdn Bhd, bangunan pejabat Perdana Menteri sudah siap dan akan diserahkan Selasa ini.

Namun, Ketua Pegawai Eksekutif Putrajaya Holding Sdn Bhd, Datuk Mohd Hashim Hassan berkata, terpulang kepada Dr Mahathir untuk menentukan perpindahan.

Tarikh sebenar perpindahan beberapa kementerian dan jabatan kerajaan lain akan ditentukan apabila pembinaan bangunan siap.

Bagaimanapun, dua kementerian Kementerian Kerja Raya dan Kementerian Perdagangan Antarabangsa - tidak akan berpindah ke Putrajaya kerana lebih sesuai kekal di Kuala Lumpur. Mahkamah Persekutuan dan Rayuan yang kini ditempatkan di Bangunan Sultan Abdul Samad, akan turut berpindah lewat tahun ini.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Abdul Halim Ali, berkata lebih 2,900 pegawai mula bertugas di Putrajaya tahun ini diikuti 7,666 orang pada 2001. Seramai 6,447 lagi pada 2002.

Untuk keselesaan penginapan, kerajaan akan membina lebih 1,700 unit rumah untuk kakitangan awam. Sejumlah 4,096 unit tahun depan dan 15,077 pada 2005.

(END)